

Boleh bawa kehancuran: PM

Usah permainkan hak mengundi

Oleh NORHAYATI MD SAID

KOTA BHARU, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan orang Melayu jangan mempermain-mainkan hak mengundi atau perasaan marah mereka kerana ia hanya akan membawa kehancuran.

Perdana Menteri berkata, pendapat yang berbeza antara mereka tidak harus dijadikan alasan untuk berkonfrontasi sesama sendiri.

"Perbuatan itu hanya akan memecahbelahkan orang Melayu di negara ini," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan dengan pegawai dan

kakitangan kerajaan beragama Islam anjuran Cuepacs, di Balai Islam di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Mohamed Yaacob, Ahli Exco Negeri dan Presiden Cuepacs, Encik Mohamad Abbas.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat seharusnya bersyukur dengan keadaan negara ini sekarang yang aman dan makmur hingga mereka boleh hidup dalam kesejahteraan.

Menurutnya, sebagai negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, institusi raja akan terus kekal, tetapi pemimpin sentiasa bertukar dan boleh ditukar menerusi sistem yang dilaksanakan itu.

"Sehubungan itu, kita jangan sekali-kali menidakkan hak untuk menentukan siapa menjadi pemimpin kerana sekiranya berbuat demikian kuasa memilih itu akan hilang dan kita akan rugi.

"Sebaliknya kita bertanggungjawab memelihara demokrasi di negara ini agar dapat terus menikmati kemakmuran dan keamanan," katanya.

Beliau juga berkata, walaupun rakyat boleh menukar pemimpin, mereka tidak harus melakukannya seperti menukar baju.

"Sekiranya pemimpin itu menjalankan tugas dengan baik dan sempurna, tidak salah dikekalkan kuasa mereka," katanya.

Dalam hubungan ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pekerja juga berhak memilih pemimpin kesatuan sekerja yang dapat melaksanakan tugas untuk kebajikan mereka.

Menurutnya, kesatuan sekerja tidak perlu bertela-gah atau mengugut majikan, sama ada kerajaan atau swasta, untuk mendapatkan sesuatu permohonan, terutama gaji. "Sebaliknya mereka boleh berbincang bagi kebajikan bersama."

Perdana Menteri berkata, memang ada pemimpin kesatuan sekerja yang menyertai kesatuan dan menggunakan pekerja untuk kepentingan peribadi.

Perdana Menteri dan rombongan adalah dalam rangka lawatan dua hari ke Kelantan mulai hari ini.